

# BULETIN

## KOMODITI

EDISI JULAI 2021

### Malaysia mahu tingkat eksport sawit ke Mesir

"Langkah itu juga akan mengurangkan masa menunggu, risiko perubahan harga dan risiko transaksi serta memastikan harga hampir sama atau setara dengan minyak sawit Indonesia," - Dato' Dr. Mohd Khairuddin Bin Aman Razali

### Bangunkan industri makanan ternakan guna PKC, kerjasama Turki

"BRB akan mendapatkan khidmat nasihat MPOC dari sudut bekalan dan pasaran untuk dedak isirung sawit (PKC) di Turki dan negara-negara Eropah terpilih," - Dato' Dr. Mohd Khairuddin Aman Razali



<b>INDUSTRI SAWIT TERLALU BERGANTUNG KEPADA BURUH ASING</b>	<b>1</b>
<b>MPOB KOMERSIAL 221 TEKNOLOGI SAWIT BERNILAI RM5 BILION</b>	<b>2</b>
<b>DUA PUSAT PEMBERIAN VAKSIN INDUSTRI DIBUKA DI SELANGOR BULAN INI</b>	<b>3</b>
<b>200 KIOSK AMAL KONGSI REZEKI SELURUH NEGARA BANTU GOLONGAN TERPUTUS BEKALAN MAKANAN</b>	<b>4</b>
<b>MALAYSIA INGIN PERLUAS PASARAN MINYAK SAWIT DI MESIR</b>	<b>5</b>
<b>MALAYSIA MAHU TINGKAT EKSPORT SAWIT KE MESIR</b>	<b>6</b>
<b>MALAYSIA EYES TO BECOME PRODUCER OF SINGLE-ORIGIN, PREMIUM QUALITY COCOA BEANS</b>	<b>7</b>
<b>MPOC TANDATANGANI MOU DENGAN BURSA KOMODITI IZMIR</b>	<b>8</b>
<b>PENSIJILAN MSPO JAWAB TOHMAHAN BARAT</b>	<b>9</b>
<b>AKTIVITI KUMPUL MINYAK SAWIT TERPAKAI PERLU LESEN</b>	<b>10</b>
<b>BANGUNKAN INDUSTRI MAKANAN TERNAKAN GUNA PKC, KERJASAMA TURKI</b>	<b>11</b>
<b>INDIA IMPORT 275,915 TAN MINYAK SAWIT MALAYSIA PADA JUN</b>	<b>12</b>
<b>PASARAN GETAH TERUS MENINGKAT UNTUK SESI KETIGA BERTURUT-TURUT</b>	<b>13</b>

<b>KILANG KELAPA SAWIT SEBABKAN PENCEMARAN SUNGAI DIARAH HENTI OPERASI SERTA-MERTA</b>	<b>14</b>
<b>IRAN RANCANG TINGKATKAN IMPORT MINYAK SAWIT DARI MALAYSIA</b>	<b>15</b>
<b>MALAYSIA, IRAN TEROKA TINGKAT EKSPORT SAWIT</b>	<b>16</b>
<b>EKSPORT PRODUK GETAH DIANGGAR MENINGKAT 80 PERATUS</b>	<b>17</b>
<b>SDP SEDIA BANTUAN MAKANAN, PELUANG KERJA</b>	<b>18</b>
<b>19.6,500 PEKERJA SIME DARBY PLANTATION DIVAKSIN DI PPVIN KETIGA</b>	<b>19</b>
<b>LKM SASAR HASIL 10 INOVASI BAHARU IOT, IR4.0</b>	<b>20</b>
<b>EKOSISTEM R&amp;D HASILKAN PRODUK KOKO BERKUALITI</b>	<b>21</b>
<b>PRODUK KOKO TEMPATAN PERLU BERANI TEROKA PASARAN E-DAGANG</b>	<b>22</b>
<b>PEGAWAI PENYELIDIK DISARAN RANCANG TINGKAT EKONOMI GOLONGAN SASAR</b>	<b>23</b>
<b>CADANG PERLUAS PPV BERGERAK DI SEKTOR LADANG</b>	<b>24</b>
<b>KESATUAN EROPAH BOIKOT MINYAK SAWIT HANYA RETORIK</b>	<b>25</b>
<b>PASARAN EKSPORT MINYAK SAWIT TERUS BERKEMBANG</b>	<b>26</b>

# Industri sawit terlalu bergantung kepada buruh asing



**PETALING JAYA  
1 JULAI 2021**

**I**ndustri sawit terutamanya di peringkat hulu terlalu bergantung kepada tenaga buruh asing, kata Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Dr. Mohd. Khairuddin Aman Razali.

Beliau berkata, keadaan itu bertambah buruk dalam situasi pandemik dan kekurangan pekerja dianggarkan sekitar 32,000 orang pada masa ini.

“Masalah kekurangan tenaga kerja ini dianggarkan membawa kerugian kira-kira RM10 bilion setahun berikutan buah sawit masak yang tidak dituai,” katanya ketika merasmikan Seminar dan Pameran Pemindahan Teknologi (TOT) 2021 anjuran Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) secara maya hari ini.

Turut hadir, Ketua Pengarah MPOB, Dr. Ahmed Parveez Ghulam Kadir.

Mohd. Khairuddin berkata, pihak kementerian sehubungan itu akan memberi fokus bagi pembangunan jentera ladang terutama bagi kerja-kerja penuaian buah sawit dan pengangkutan di ladang.

Kata beliau, penggunaan jentera perladangan dapat meningkatkan produktiviti tenaga kerja dan kecekapan operasi ladang serta strategi ke arah mengurangkan kebergantungan yang tinggi kepada tenaga kerja asing dalam perladangan sawit. -UTUSAN

# MPOB komersial 221 teknologi sawit bernilai RM5 bilion



**KUALA LUMPUR  
1 JULAI 2021**

**L**embaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) sudah mengkomersialkan 221 teknologi dan inovasi membabitkan anggaran nilai pasaran RM5 bilion sejak 1993.

Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Dr Mohd Khairuddin Aman Razali, berkata kemajuan bidang penyelidikan, pembangunan dan pengkomersialan teknologi yang diterajui oleh MPOB telah menyumbang kepada perkembangan industri sawit negara.

Katanya, perkembangan pesat industri sawit khususnya dalam tempoh empat dekad yang lalu menyediakan peluang pekerjaan kepada lebih tiga juta rakyat termasuk pekebun kecil sawit.

”Sehingga kini, MPOB telah memperkenalkan sebanyak 709 teknologi dan 191 perkhidmatan kepada pihak industri dan usahawan tempatan. Daripada jumlah itu, sebanyak 221 atau 31.17 peratus teknologi dan inovasi MPOB telah berjaya dikomersialkan termasuk dalam kalangan usahawan kecil sederhana. -BH

# Dua pusat pemberian vaksin industri dibuka di Selangor bulan ini



**PUTRAJAYA  
2 JULAI 2021**

**D**ua pusat pemberian vaksin industri (PPVIN) di bawah Program Vaksinasi untuk Sektor Agrikomoditi (VACOMS), akan dibuka di Selangor bulan ini, kata Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Dr Mohd Khairuddin Aman Razali.

“Dua PPVIN itu terletak di Ladang Tennamaram di Bestari Jaya dan Pusat Biokomposit dan Gentian (FIDEC) di Olak Lempit, Banting,” katanya dalam satu kenyataan hari ini.

Mohd Khairuddin berkata, PPVIN di Ladang Tennamaram memfokuskan kepada 6,400 pekerja di sektor perladangan sawit, manakala PPVIN di FIDEC mensasarkan 7,800 pekerja dalam sektor perkayuan.

Beliau berkata, Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (KPPK), menyambut baik keputusan Badan Bertindak Imunisasi Covid-19 (CITF) semalam, yang telah meluluskan sektor perladangan dan komoditi sebagai sektor ekonomi keempat, yang terlibat dalam program PPVIN. -SINARHARIAN

# 200 kiosk Amal Kongsi Rezeki seluruh negara bantu golongan terputus bekalan makanan

KUALA LUMPUR  
2 JULAI 2021

Sebanyak 200 kiosk Amal Kongsi Rezeki diseluruh negara diwujudkan bagi membantu asnaf dan golongan yang terkesan akibat Covid-19.

Kiosk yang diletakkan di pasar raya dan kedai runcit itu disediakan untuk memudahkan individu yang keputusan bekalan makanan mengambil barangan asas yang diperlukan.

Menurut Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Dr Mohd Khairuddin Aman Razali, hasil kerjasama Majlis Getah Malaysia (MRC) dan Yayasan Amal Malaysia (YAM), sebanyak RM260,000 disumbangkan untuk program ini.

Beliau berharap usaha itu akan menjadi ikutan lebih banyak badan bukan kerajaan (NGO) dan syarikat korporat lain untuk membantu golongan yang memerlukan dalam tempoh ini.

Dalam masa yang sama, beliau menyeru orang ramai yang membeli di pasar raya yang mempunyai kiosk Amal Kongsi Rezeki untuk turut bersedekah menambah bekalan keperluan asas.  
-MALAYSIAGAZETTE



# Malaysia ingin perluas pasaran minyak sawit di Mesir



**KAHERAH  
5 JULAI 2021**

Malaysia berminat untuk mengembangkan lagi pasaran minyak sawit di Mesir menerusi pemindahan teknologi, kepakaran dan modal kepada syarikat-syarikat di negara itu.

Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Dr Mohd Khairuddin Aman Razali berkata, usaha sama tersebut akan memastikan minyak sawit Malaysia sentiasa tersedia di pasaran Mesir.

“Langkah itu juga akan mengurangkan masa menunggu, risiko perubahan harga dan risiko transaksi serta memastikan harga hampir sama atau setara dengan minyak sawit Indonesia,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada majlis makan malam anjuran Pacific Interlink Sdn Bhd di sini.

Yang turut hadir, Pengerusi Dewan Industri Makanan dan Komoditi Mesir, Zakaria El-Shafie; Pengarah Urusan Pacific Interlink Group, Fouad Hayel Saeed Hanam dan Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Mad Zaidi Mohd Karli. -EDISI9

# Malaysia mahu tingkat eksport sawit ke Mesir



**KUALA LUMPUR  
7 JULAI 2021**

**M**alaysia - Mesir memeterai memorandum persefahaman (MoU) bagi bekerjasama meneroka peluang memperkasakan eksport sawit ke negara utara Afrika itu.

Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Dr Mohd Khairuddin Aman Razali, berkata persetujuan itu dicapai ketika pertemuan dengan Menteri Perbekalan dan Perdagangan Dalam Negeri Mesir, Dr Ali El Moselhy.

Katanya, MoU itu bertujuan melihat keperluan mewujudkan terminal sawit di Zon Ekonomi Terusan Suez (SCZone) bagi menjamin bekalan berterusan sawit kepada pemain industri berkaitan komoditi itu di Mesir.

"Ia juga bertujuan mengkaji kepentingan perkongsian pintar antara dua kementerian membabitkan teknologi pengeluaran dan strategi pemasaran sawit menerusi pelaburan bersama dalam syarikat berkaitan kerajaan antara dua negara dengan kerjasama swasta dan pemain industri sawit di kedua buah negara," katanya dalam hantaran di Facebook, hari ini.

Beliau sebelum itu melakukan lawatan kerja Misi Ke Mesir: Memperkasa Hubungan Dagang Agrikomoditi Negara selama empat hari bermula Sabtu lalu.-  
BH

# Malaysia eyes to become producer of single-origin, premium quality cocoa beans

KUALA LUMPUR  
7 JULAI 2021

**M**alaysia will focus on becoming a producer of single-origin and premium quality cocoa beans to ensure the products comply with the Malaysian Standards and other international regulations and standards, including food safety.

Minister of Plantation Industries and Commodities Datuk Dr Mohd Khairuddin Aman Razali also said that the Malaysian Cocoa Board (MCB) is also developing cocoa beans traceability system to enhance product origin assurance further.

“In this regard, Malaysia has established a well-equipped analytical laboratory with ISO/IEC 17025 accreditation for chemical and microbiological analysis, supported by a team of panellists for cocoa liquor and chocolate sensory evaluation,” he said in his speech at the Belgium-Malaysia Partners Towards a Regional Sustainable Chocolate Industry webinar held virtually today.

The ISO/IEC 17025 accreditation stands for the International Organisation for Standardisation (ISO) and the International Electrotechnical Commission (IEC), two organisations that work to develop, maintain, and promote standards in the fields of science and technology. -ASTROAWANI



# MPOC tandatangani MoU dengan Bursa Komoditi Izmir



**KUALA LUMPUR  
7 JULAI 2021**

**M**ENTERI Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Dr Mohd Khairuddin Aman Razali semalam menyaksikan pemeteraian memorandum persefahaman (MOU) antara Majlis Minyak Sawit Malaysia (MPOC) dan Bursa Komoditi Izmir di Izmir, Turki.

Melalui memorandum persefahaman itu, Bursa Komoditi Izmir yang diasaskan pada tahun 1891 melalui cabang pendidikannya, Akademi Bursa Izmir (IBA) akan menjalinkan kerjasama dengan MPOC dalam bidang pendidikan, promosi dan penggunaan minyak sawit Malaysia serta Pensijilan Minyak Sawit Maman Malaysia (MSPO).

Dr.Mohd Khairuddin dalam kenyataan berkata,MPOC dan IBA sepakat untuk berkolaborasi melalui pelbagai projek merangkumi perkongsian maklumat

perniagaan dan teknikal, peningkatan kesedaran, pensijilan dan aktiviti promosi bersama.

“Kerjasama ini dilihat sebagai langkah strategik yang mampu meningkatkan pembangunan industri sawit Malaysia dan penguasaan pasaran,” katanya.

Pada majlis berkenaan, MPOC diwakili Pengurus Pembangunan Pasaran dan Pemasaran Muhammad Kharibi Zainal Ariffin manakala Bursa Komoditi Izmir diwakili Presiden Lembaga Eksekutif, Isinsu Kestelli.

Turut hadir Duta Besar Malaysia ke Turki Sazali Mustafa Kamal dan Timbalan Ketua Setiausaha (Perladangan dan Komoditi) Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (KPPK), Mad Zaidi Mohd Karli. -UTUSAN

# Pensijilan MSPO jawab tohmahan Barat



**KUALA LUMPUR  
9 JULAI 2021**

Pelaksanaan pensijilan Minyak Sawit Mampan Malaysia (MSPO) adalah penyelesaian tuntas dalam menjawab tohmahan negara Barat berhubung isu alam sekitar dan buruh paksa yang dikaitkan dengan industri sawit Malaysia.

Ketua Pegawai Eksekutif Majlis Pensijilan Minyak Sawit Malaysia (MPOCC), Mohammad Hafezh Abdul Rahman, berkata kriteria pensijilan MSPO menggariskan piawaian ketat dalam memastikan pekebun kecil dan syarikat perladangan sawit tidak terbebani amalan buruh paksa ataupun menjejaskan alam sekitar.

Katanya, MSPO antaralain memerlukan pihak disijilkan itu mematuhi Akta Pekerja 1955 yang memperuntukkan

bahawa pekerja tidak boleh dipaksa melakukan kerja tanpa kerelaan oleh majikan, sekali gus mengatasi isu buruh paksa yang ditimbulkan negara Barat.

Selain itu, beliau berkata, pensijilan MSPO mengawal penerimanya daripada melakukan penebangan hutan secara berleluasa bagi tujuan memperluas kawasan ladang dan tanaman sawit.

Mohammad Hafezh memaklumkan, ia selaras komitmen Malaysia untuk mengekalkan 50 peratus kawasan hutan, yang ditandatangani pada Persidangan Iklim Paris (COP21), enam tahun lalu.

“Secara keseluruhan, 88 peratus daripada industri sawit Malaysia sudah mendapat pensijilan MSPO. -BH

# Aktiviti kumpul minyak sawit terpakai perlu lesen




KUALA LUMPUR  
9 JULAI 2021

Aktiviti pengumpulan minyak masak terpakai khususnya sawit di pasaran perlu mendapat lesen daripada Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB).

Ketua Pengarah MPOB, Dr Ahmad Parveez Ghulam berkata, ini kerana pengumpulan minyak masak sawit terpakai (UPCO) adalah aktiviti dalam industri sawit dilesen dan dipantau MPOB.

“Individu atau entiti yang berminat boleh memohon lesen daripada MPOB,” katanya dalam satu kenyataan, hari ini.

Ahmad Parveez berkata, minyak masak sawit terpakai boleh dikitar semula untuk dijadikan bahan lain khusus bagi penghasilan produk bukan makanan seperti biodiesel, lilin, pencuci, sabun serta makanan haiwan. -BH



# Bangunkan industri makanan ternakan guna PKC, kerjasama Turki



**PUTRAJAYA  
11 JULAI 2021**

**S**ebuah syarikat terkenal bertaraf multinasional di Turki, BRB Holding bakal bekerjasama dengan Malaysia dalam pembekalan makanan haiwan berasaskan sawit.

Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Dr. Mohd. Khairuddin Aman Razali berkata, ia hasil memorandum persefahaman dengan Majlis Minyak Sawit Malaysia (MPOC).

“BRB akan mendapatkan khidmat nasihat MPOC dari sudut bekalan dan pasaran untuk dedak isirung sawit (PKC) di Turki dan negara-negara Eropah terpilih,” katanya menerusi kenyataan.

Syarikat berkenaan yang ditubuhkan pada 1994 lalu itu dipilih kerana terlibat aktif dalam pelbagai projek antarabangsa di lebih 100 buah negara merangkumi bidang penternakan.

Kedua-dua pihak terbabit, ujar beliau, bakal memperincikan lagi bentuk kerjasama dari sudut teknikal dan bekalan minyak sawit Malaysia seperti mana yang sudah dipersetujui.

MPOC jelasnya, akan membantu BRB dalam mendapatkan maklumat terkini dan penerangan mengenai faedah teknoekonomi makanan haiwan berasaskan sawit melalui pelbagai kaedah. -UTUSAN

# India import 275,915 tan minyak sawit Malaysia pada Jun

NEW DELHI  
13 JULAI 2021

India telah mengimport 275,915 tan minyak sawit dari Malaysia pada Jun lalu, mengikut data terbaru kumpulan industri.

Persatuan Pengekstrak Pelarut India (SEA) dari Mumbai berkata, jumlah import minyak boleh dimakan negara itu pada bulan berkenaan adalah 969,431 tan, minyak sawit merangkumi 61 peratus.

Import minyak boleh dimakan secara keseluruhan susut 20 peratus pada Jun dari bulan sebelumnya berikutan stok domestik yang masih banyak, katanya.

Import dari Malaysia terdiri daripada 268,715 tan minyak sawit mentah (MSM), 3,200 tan olein sawit bertapis, diluntur dan dinyahbau (RBD) termasuk 4,000 tan minyak isirung sawit mentah.

India kemungkinan akan membeli lebih banyak minyak sawit ditapis selepas kerajaannya pada bulan lalu melonggarkan sekatan import selama enam bulan, langkah yang dilihat bertujuan untuk menstabilkan harga minyak masak dalam pasaran pengguna tempatan. -BH



# Pasaran getah terus meningkat untuk sesi ketiga berturut-turut


PUTRAJAYA  
14 JULAI 2021

Pasaran getah terus meningkat untuk sesi ketiga berturut-turut untuk ditutup tinggi hari ini disokong oleh ringgit yang lemah berbanding dolar AS walaupun terdapat trend bercampur-campur di pasaran hadapan getah serantau, kata seorang peniaga.

Bagaimanapun, peniaga itu berkata, kenaikan itu telah dihadkan oleh kejatuhan harga minyak mentah dan ketika peserta pasaran dipengaruhi oleh statistik getah terbaru Malaysia dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) hari ini.

Menurut laporan DOSM, pengeluaran getah asli Malaysia meningkat 22.4 peratus kepada 28,164 tan metrik pada Mei 2021 berbanding 23,013 tan metrik pada bulan sebelumnya.

Perbandingan tahun ke tahun juga menunjukkan peningkatan sebanyak 33.8 peratus manakala paras stok getah asli turun 6.4 peratus pada bulan Mei kepada 242.194 tan metrik berbanding 258.840 tan metrik pada April. -SINAR



# Kilang kelapa sawit sebabkan pencemaran sungai diarah henti operasi serta- merta



**PETALING JAYA  
15 JULAI 2021**

**L**embaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) mengarahkan kilang kelapa sawit di Ulu Keratong yang menyebabkan pencemaran sungai memberhentikan operasi serta-merta.

Ketua Pengarah MPOB, Dr. Ahmad Parveev Ghulam Kadir berkata, arahan dikeluarkan selaras dengan notis arahan di bawah Seksyen 31 Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 oleh Jabatan Alam Sekitar (JAS) cawangan Rompin.

“Kilang tersebut diarah memberhentikan operasi mengilang buah kelapa sawit serta-merta sehingga notis arahan ditarik balik oleh JAS,” katanya dalam kenyataan.

Media pada Jumaat lalu melaporkan, JAS telah mengambil tindakan terhadap sebuah kilang kelapa sawit setelah pemeriksaan JAS dan Pengurusan Air Pahang Berhad mendapati kilang berkenaan menjadi punca pencemaran air Sungai Pukin.

Menurut laporan, kejadian berpunca dari tebing salah satu kolam rawatan sisa sawit yang runtuh sehingga menyebabkan sisa tersebut mengalir ke alur sungai. -UTUSAN

# Iran rancang tingkatkan import minyak sawit dari Malaysia



**KUALA LUMPUR  
16 JULAI 2021**

**I**ran merancang untuk meningkatkan import minyak sawit dari Malaysia sehingga mencecah satu juta tan dan ke atas setiap tahun dalam usahanya memenuhi permintaan yang dijangkakan semakin bertambah dalam beberapa tahun akan datang.

Kedutaan Iran menjelaskan usaha ini memerlukan kerjasama dan penyelarasan lebih baik daripada Kementerian berkaitan, syarikat berkaitan kerajaan serta agensi bagi memperkukuh lagi hubungan dua hala ke arah manfaat bersama.

"Mengikut data terkini, Iran berada di kedudukan teratas dalam senarai jumlah import minyak sawit Malaysia tahun ini dalam kalangan 10 negara Timur Tengah.

"Perangkaan (berdasarkan gambaran keseluruhan eksport minyak sawit Malaysia ke Timur Tengah tahun ke tahun) menunjukkan Iran mengimport sebanyak 309,704 tan minyak sawit bagi tempoh Januari hingga Mei 2021, menyaksikan lonjakan hampir lima kali ganda daripada 63,039 tan yang dicatatkan semasa tempoh yang sama 2020," menurutnya dalam kenyataan pada Khamis.

Kedutaan itu menjelaskan Iran bersedia menjadi hab Malaysia bagi pengedaran minyak sawit dan produk berasaskan sawit ke pasaran yang menguntungkan di negara Asia Barat dan Asia Tengah yang bersempadan dengannya. -ASTROAWANI

# Malaysia, Iran teroka tingkat eksport sawit



**KUALA LUMPUR  
18 JULAI 2021**

**M**alaysia dan Iran bersetuju untuk meneroka usaha meningkatkan eksport sawit negara ke republik berkenaan.

Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi (KPPK), Datuk Dr Mohd Khairuddin Aman Razali, berkata kementerian mengambil maklum mengenai hasrat Iran untuk meningkatkan import minyak sawit Malaysia sehingga 1 juta tan setiap tahun.

Katanya, semasa pertemuan beliau dengan delegasi Iran yang diketuai Pengerusi dan Pengarah Urusan Perbadanan Perdagangan Kerajaan Iran (GTC), Yazdan Seif di Istanbul, Turki pada 10 Julai lalu.

"Kedua-dua negara bersetuju untuk meneroka memorandum persefahaman (MOU) bagi tujuan meningkatkan eksport sawit Malaysia ke Iran tidak lama lagi.

"Pada pertemuan itu, Yazdan yang juga Timbalan Menteri Perindustrian, Perlombongan dan Perdagangan Iran menyatakan kepentingan minyak sawit dalam memenuhi penggunaan minyak dan lemak negara berkenaan yang kini mencapai sejumlah 2.2 juta tan setiap tahun.

"Beliau turut memaklumkan hasrat Iran untuk meningkatkan import minyak sawit Malaysia. Malaysia menguasai 78 peratus pasaran minyak dan lemak di Iran sepanjang tahun 2020," katanya dalam satu kenyataan. -BH

# Eksport produk getah dianggarkan meningkat 80 peratus



GEORGE TOWN  
18 JULAI 2021

**E**ksport produk getah Malaysia dianggarkan meningkat sebanyak 80 peratus untuk mencecah RM74 bilion tahun ini daripada RM41 bilion tahun lepas dirangsang oleh lonjakan dalam permintaan terhadap sarung tangan getah.

Sarung tangan getah dijangka menguasai lebih 90 peratus daripada jumlah eksport negara untuk produk getah, demikian menurut jurucakap Lembaga Getah Malaysia.

“Kegiatan ekonomi global yang semakin baik telah mencerahkan prospek permintaan terhadap getah asli. Penggunaan global getah asli diunjur berkembang 6.7 peratus kepada 13.7 juta tan pada tahun 2021 selepas menyusut 7.8 peratus pada tahun 2020.

“Penggunaan di pasaran utama seperti China dan Amerika Syarikat turut menunjukkan peningkatan positif, didorong oleh pembukaan semula operasi perniagaan susulan program pemberian vaksin untuk memerangi Covid-19,” katanya kepada Bernama menerusi emel.

Bagaimanapun, beliau menambah dengan kemunculan semula kes Covid-19 di Malaysia yang menjuruskan kepada pelaksanaan kawalan pergerakan, pengurangan tenaga kerja dan pelbagai langkah kawalan lain yang dikenakan oleh kerajaan akan menyebabkan gangguan kepada rantai bekalan getah asli. -BH

# SDP sedia bantuan makanan, peluang kerja



**KUALA LUMPUR  
20 JULAI 2021**

**S**ime Darby Plantation Bhd (SDP) dengan kerjasama Yayasan Sime Darby, melancarkan kempen 'Kami Prihatin' bagi menyalurkan bantuan makanan dan barangan keperluan kepada masyarakat serta orang awam yang memerlukan.

Kempen yang berlangsung selama enam bulan di seluruh negara itu turut menawarkan pelbagai peluang pekerjaan dalam operasi perladangan huluan syarikat itu kepada warga tempatan yang terkesan serta hilang punca pendapatan akibat persekitaran yang kian mencabar.

Beberapa pusat edaran bantuan di ladang serta kilang kelapa sawit milik syarikat di seluruh negara kini dibuka untuk menyalurkan bantuan dan menerima permohonan pekerjaan.

Pengarah Urusan Kumpulan SDP, Mohamad Helmy Othman Basha, berkata kemerosotan ekonomi global serta kadar pengangguran yang diakibatkan oleh pandemik COVID-19 adalah di luar jangkaan. -BH

# 6,500 pekerja Sime Darby Plantation divaksin di PPVIN ketiga



PETALING JAYA  
26 JULAI 2021

**S**ime Darby Plantation Berhad (SDP) telah membuka Pusat Pemberian Vaksin Industri (PPVIN) yang ketiga di Tennamaram Estate, Bestari Jaya, Selangor.

Pusat PPVIN itu akan memberi manfaat kepada sekitar 6,500 pekerja ladang kelapa sawit, getah dan sektor pertanian lain di Selangor.

Pengarah Urusan SDP, Mohamad Helmy Othman Basha berkata, amat penting untuk pekerja ladang yang merupakan tulang belakang dalam sektor pertanian diberi peluang untuk menerima vaksin.

“Namun, walaupun kesihatan dan kesejahteraan pekerja itu penting, kita juga harus memastikan keseluruhan latihan vaksinasi itu adalah secara sukarela dan pekerja harus memahami seluruh prosesnya serta apa yang perlu dilakukan,” katanya dalam kenyataan.

Bagi memastikan pemahaman dan persetujuan untuk divaksin, SDP telah menghubungi pekerja-pekerjanya untuk menjelaskan keseluruhan proses vaksinasi dan menekankan ia adalah sukarela. -BH

# LKM sasar hasil 10 inovasi baharu IoT, IR4.0



**PUTRAJAYA  
26 JULAI 2021**

Lembaga Koko Malaysia (LKM) menyasarkan untuk menghasilkan lebih daripada 10 inovasi atau teknologi baharu berasaskan kepada prinsip ‘internet of things’ (IoT) dan Revolusi Industri 4.0 (IR 4.0), selari dengan perkembangan pemasaran menggunakan platform e-dagang.

Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Dr Mohd Khairuddin Aman Razali berkata, pasaran e-dagang di Malaysia juga semakin mendapat perhatian dan dijangka meningkat berikutan pandemik COVID-19 serta peningkatan penggunaan telefon pintar dan capaian internet.

Menurut beliau, kerjasama dalam kalangan jabatan dan agensi kerajaan telah diterjemahkan ketika ini dalam bentuk

pelaksanaan dengan mengoptimumkan kepakaran dan keupayaan di antara LKM dan Perbadanan Pembangunan Teknologi Malaysia (MTDC) bagi mendapatkan suatu perubahan berimpak tinggi dalam penyampaian perkhidmatan kerajaan.

“Di samping itu, kerjasama di antara pihak industri juga dipertingkatkan bagi menghasilkan lebih banyak produk yang memenuhi kehendak pasaran dan berpotensi tinggi untuk dikomersialkan.

“Lantas, kerjasama dan komitmen serta persefahaman sedemikian akan menghasilkan impak yang tinggi sekaligus mempercepat pertumbuhan ekonomi negara dan meningkatkan daya saing negara,” katanya. EDISI9

# Ekosistem R&D hasilkan produk koko berkualiti



**PUTRAJAYA  
26 JULAI 2021**

**S**atu ekosistem yang menggalakkan pengkomersialan hasil penyelidikan dan pembangunan (R&D) Lembaga Koko Malaysia (LKM) perlu diwujudkan untuk menghasilkan lebih banyak produk berasaskan koko yang berkualiti.

Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Dr Mohd Khairuddin Aman Razali, berkata LKM turut menyasar untuk menghasilkan lebih 10 inovasi atau teknologi baharu berasaskan Internet Pelbagai Benda (IoT) dan Revolusi Perindustrian Keempat (IR4.0).

“Pencapaian sektor koko perlu ditingkatkan lagi bagi membolehkan

Malaysia terus bersaing sebagai pasaran penting selain mengambil peluang dari pasaran antarabangsa yang giat berkembang,” katanya ketika berucap merasmikan Bengkel Tahunan Saintis LKM (MASW) 2021 secara maya pada Isnin.

Beliau berkata, projek R&D LKM bermula sejak Rancangan Malaysia Kelapan (RMK8) (2001-2005) dan sehingga kini sebanyak 105 projek dengan peruntukan berjumlah RM75.3 juta dijalankan. -BH

# Produk koko tempatan perlu berani teroka pasaran e-dagang

PUTRAJAYA  
26 JULAI 2021


Pencapaian sektor koko perlu ditingkatkanlagibagimembolehkan Malaysia terus bersaing dalam pasaran penting dan merebut peluang global yang pesat berkembang.

Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Dr. Mohd. Khairuddin Aman Razali berkata, langkah itu termasuk memberi fokus ruang dalam pasaran e-dagang yang lebih luas.

“Pasaran ini di Malaysia kian dapat perhatian selain dijangka meningkat berikutan isu wabak Covid-19 serta peningkatan penggunaan telefon pintar dan capaian internet,” katanya ketika berucap merasmikan Bengkel Tahunan Saintis Lembaga Koko Malaysia (LKM) 2021 secara maya hari ini yang disertai 72 pegawai penyelidik agensi itu.

Yang hadir sama Ketua Setiausaha kementerian, Datuk Ravi Muthayah dan Ketua Pengarah LKM, Dr. Ramle Kasin dan wakil Perbadanan Pembangunan Teknologi Malaysia (MTDC).

Program tiga hari bertemakan Transformasi Budaya Penyelidikan dan Pembangunan (R&D) Ke Arah Kajian Berpacukan Pasaran itu usaha kolaborasi strategik antara LKM dan MTDC. -UTUSAN



# Pegawai penyelidik disaran rancang tingkat ekonomi golongan sasaran



**KOTA KINABALU  
28 JULAI 2021**

**P**egawai Penyelidik Lembaga Koko Malaysia (LKM) digesa agar dapat merancang 'Penyelidikan' bagi meningkatkan ekonomi golongan sasaran mereka.

Ketua Pengarahnya, Dr Ramle Kasin, berkata, ini penting untuk memastikan semua golongan sasaran termasuk pengusaha industri koko sekali gus dapat meningkatkan imej LKM sebagai agensi terulung dalam penyelidikan koko di negara ini.

"Ilmu yang dipelajari selama tiga hari moga dapat diaplikasikan dilapangan oleh semua pegawai termasuk cara

mempelajari kaedah penyediaan rangka penyelidikan yang berimpak serta berpandukan keperluan pasaran dan kumpulan sasaran.

Ini seterusnya diaplikasikan dalam bengkel iaitu Lab Pemantapan Pelan Strategik LKM 2021 – 2025 yang sedang berlangsung ketika ini iaitu pada 12 Julai hingga 29 Oktober 2021," katanya. -SABAHNEWTODAY

# Cadang perluas PPV bergerak di sektor ladang



**KUALA SELANGOR  
29 JULAI 2021**

**K**ementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (KPPK) bercadang memperluaskan lagi Program Vaksinasi Sektor Agrikomoditi (Vacoms) menerusi Program Pemberian Vaksin (PPVIN) secara bergerak dalam tempoh terdekat.

Ketua Setiausaha, Datuk Ravi Muthayah berkata, pihaknya masih menunggu permohonan secara rasmi daripada Persatuan Minyak Sawit Malaysia (MPOA), sebelum perkara itu dibincangkan bersama Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi serta Badan Bertindak Imunisasi Covid-19 (CITF).

Beliau berkata, pihaknya menyasarkan untuk membuka lebih banyak PPVIN bergerak di sektor perladangan di seluruh negara bagi membolehkan proses vaksinasi pekerja ladang dipercepatkan.

"Kita ingin membawa kemudahan PPVIN bergerak ini bagi membolehkan semua pekerja perladangan selaku nadi sektor pertanian negara diberi peluang mendapat suntikan vaksin," katanya pada sidang akhbar selepas Program Vaksinasi Sektor Agrikomoditi di Ladang Tennamaram di sini pada Khamis.

-SINARHARIAN

# Kesatuan Eropah Boikot Minyak Sawit Hanya Retorik

KUALA NERUS  
31 JULAI 2021

U saha Kesatuan Eropah (EU) memboikot minyak sawit keluaran negara ini hanya retorik sedangkan permintaan terhadap sumber keperluan itu kini semakin meningkat.

Menteri Perusahaan, Perladangan dan Komoditi, Datuk Dr Mohd Khairuddin Aman Razali berkata, keputusan beberapa negara Eropah menolak minyak sawit negara tidak menjejaskan eksport produk itu yang kini berjumlah 20 juta tan sehari.

“EU tidak mungkin dapat pisahkan diri daripada menggunakan minyak sawit. Mereka cuba halang penggunaan sawit di peringkat biodiesel sahaja namun mereka tidak boleh halang minyak sawit diguna dalam kehidupan seharian.

“Mana ada produk, pencuci atau makanan tidak guna sawit, kebanyakannya mengandungi minyak sawit. Jadi, minyak sawit tak dapat dipisahkan daripada kegunaan masa kini.

“Saya cabar mana-mana negara yang sanggup memisahkan diri dari sawit tolong ambil minyak lain yang lebih mahal berbanding minyak sawit yang murah dan berkhasiat,” katanya ketika ditemui pemberita selepas merasmikan kiosk Amal Kongsi Rezeki di sini pada Sabtu. -SINARHARIAN



# Pasaran eksport minyak sawit terus berkembang



**KUALA NERUS  
31 JULAI 2021**

**S**ekatan negara-negara Kesatuan Eropah (EU) ke atas minyak sawit Malaysia tidak menjejaskan pulangan lumayan terhadap pasaran bahan komoditi itu kepada negara.

Menteri Perusahaan, Perladangan dan Komiditi, Datuk Dr. Mohd. Khairuddin Aman Razali berkata, eksport minyak sawit negara terus berkembang pesat di Timur Tengah dan Afrika sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) sejak Mac tahun lalu.

Ahli Parlimen Kuala Nerus itu berkata, kerancangan pasaran sawit menyaksikan industri berkenaan menjadi penyumbang kedua terbesar kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) negara.

“Beberapa negara seperti Mesir dan Turki telah bersetuju mengimport minyak sawit keluaran negara ke negara masing-masing.

“Kita tidak anggap EU sebagai pasaran besar memandangkan mereka cuba halang industri perladangan sawit Malaysia untuk penggunaan biodiesel,” katanya di sini hari ini. -KOSMO



Terbitan Unit Komunikasi Korporat MPIC / Jun2021



[www.mpic.gov.my](http://www.mpic.gov.my)

